

Tiga lagi sekolah dalam hospital diwujudkan

PASIR PUTEH 7 April - Yayasan Nurul Yaqeen akan membina tiga buah sekolah dalam hospital di seluruh negara pada tahun ini bagi membantu pelajar yang menghidap penyakit kronik supaya tidak tercicir dalam pembelajaran ketika menerima rawatan.

Pengarah yayasan itu, Nor Zanah Jamari berkata, ini merupakan fasa keempat program tersebut selepas 10 buah sekolah dalam hospital yang diwujudkan sebelum ini.

Beliau berkata, pertambahan sebanyak tiga buah sekolah dalam hospital itu dibuat selepas kejayaan yang memberangsangkan, hasil daripada fasa pertama sehingga fasa ketiga.

Menurutnya, fasa pertama penubuhan sekolah dalam hospital bermula di Hospital Kuala Lumpur (HKL), Hospital Ampang dan Hospital Serdang di sekitar Lembah Klang sebagai projek perintis.

"Fasa kedua dan ketiga konsep sekolah didik hibur yang mendapat kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan itu membabitkan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Krian; Pusat Rawatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Cheras; Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.



SEBAHAGIAN daripada pelajar SMK Sri Aman dan SMK Padang Pak Amat mengikuti program Menara Ilmu anjuran Yayasan Nurul Yaqeen di Pasir Puteh, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

"Ini turut merangkumi Hospital Selayang; Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (UM)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Program Menara Ilmu di Sekolah Me-

nengah Kebangsaan (SMK) Sri Aman dan SMK Padang Pak Amat anjuran Yayasan Nurul Yaqeen di sini hari ini.

Program berkenaan turut menyelitkan motivasi kecemerlangan yang dikendalikan personaliti TV

AlHijrah, Amin Idris.

Nor Zanah berkata, fasa keempat melibatkan Hospital Tuanku Jaafar, Seremban; Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Sabah serta Hospital Umum Sarawak.

"Pesakit kronik terbahit akan

mula belajar pada pukul 10 pagi hingga 12 tengah hari dan disambung semula pada pukul 2 petang sehingga 4 petang dengan tenaga pengajar terlatih yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan.

"Situasi pembelajaran adalah formal dan berstruktur dengan menepati aspirasi pendidikan kebangsaan sebagaimana yang dilaksanakan di sekolah," katanya.

Menurutnya, menerusi program itu, yayasan tersebut menyalurkan dana untuk menaik taraf ruang pembelajaran, penyediaan alat bantu belajar tambahan, penyediaan buku-buku yang diperlukan dan latihan guru serta menjalankan kempen penyertaan sukarelawan untuk mengajar semasa musim cuti persekolahan.

Sementara itu, beliau berkata, pihaknya juga turut mewujudkan Anugerah Tesis Terbaik yang membabitkan pelbagai bidang kajian berteras-kan perspektif Islam kepada semua mahasiswa dari universiti awam dan swasta untuk menerima pengiktirafan dan ganjaran setiap tahun.

"Sempena penubuhan yayasan yang menjangkau usia 23 tahun, Kursi Akademik Tuan Guru Haji Mohd. Yassin akan ditubuhkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada tahun ini," katanya.